

03 NOV 2000

MAHATHIR LANCAR PERAYAAN JUBLEE EMAS RIDA-MARA

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan perayaan Jublee Emas Rida-MARA dalam satu majlis di Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Majlis itu dihadiri oleh kira-kira 3,000 jemputan yang merangkumi pelbagai masyarakat Bumiputera daripada golongan pelajar hingga golongan usahawan, syarikat korporat Bumiputera dan badan-badan bukan kerajaan.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Nazri Abdul Aziz.

Majlis Amanah Rakyat bermula dengan penubuhan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (Rida) pada 1950 sebelum ditukarkan kepada namanya sekarang pada 1966.

Objektif umum Rida ialah untuk memberi keselesaan dan meningkat taraf sosio-ekonomi orang-orang kampung, yang majoriti terdiri daripada petani, pekebun, penternak dan nelayan melalui penyediaan infrastruktur, bantuan kewangan dan latihan.

Kelahiran MARA kemudian meningkatkan lagi peranannya sebagai agensi yang bertanggungjawab mencapai matlamat serampang dua mata untuk membasmi kemiskinan dan menstruktur masyarakat dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

-- BERNAMA

AFY APG RHM